

# Resolusi mahu badan bebas beri nasihat kepada Raja

➔ Ketetapan perhalusi sebelum diserahkan kepada Majlis Raja-Raja untuk tindakan

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

✦ Bangi

**P**enubuhan badan khusus untuk memberikan nasihat secara bebas kepada Raja, adalah antara dua resolusi Konvensyen Rakyat: Menelusuri Akar Umbi Ke Arah Perpaduan Ummah yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini semalam.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

(MAIPK), Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Wan Mohd Noordin, berkata satu lagi resolusi adalah peranan Raja dalam menyatukan ummah.

Katanya, badan bebas itu adalah pasukan berwibawa untuk memberi nasihat secara berhemah kepada Raja berhubung kepentingan dan kehendak rakyat dalam pelbagai bidang mencakupi agama, bangsa, ekonomi dan politik, sejajar satu daripada tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu.

"Wasiat berkenaan adalah Raja menjaga dan melindungi rakyat serta harta hak milik mereka



**Hasanuddin (dari kiri), Asyraf Wajdi, Pengerusi Yayasan Guru Malaysia, Tan Sri Alimuddin Mohd Dorn, Pengerusi Majlis Dakwah Negara, Prof Emeritus Datuk Dr Mahmood Zuhi Ab Majid, Mohd Khairuddin Kamaruddin dan Saifuddin pada majlis Konvensyen Rakyat Menelusuri Akar Umbi Ke Arah Perpaduan Ummah di UKM, Bangi, semalam.**

dengan menubuhkan Rejimen Askar Melayu, selain membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.

## Bincang pada seminar lain

"Resolusi itu akan kita perhalusi dan bincangkan pada seminar berikutnya sebelum diserahkan kepada Majlis Raja-Raja untuk tindakan selanjutnya," katanya selepas berakhir konvensyen berkenaan.

Konvensyen sehari itu anjuran Majlis Dakwah Negara (MDN) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan dihadiri kira-kira

3,000 peserta.

Ia kesinambungan Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara: Ke Arah Wasiat Lebih Tersurat yang diadakan pada 5 dan 6 Ogos lalu.

Wan Mohd Zahid yang juga bekas Ketua Pengarah Pelajaran, berkata resolusi itu dicadangkan peserta pada sesi Titah Diraja: Gayung Bersambut-Raja dan Rakyat Berpisah Tiada dengan beliau sendiri menjadi pemudahcara.

"Bila saya tanya peserta satu dewan angkat tangan bersetuju. Kita akan ambil perhatian cadangan ini," katanya.